



**TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' SURIANI BINTI DATO' AHMAD**  
**KETUA SETIAUSAHA**  
**KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**

**SEMPENA PERTANDINGAN SKETSA RUKUN NEGARA**  
**PERINGKAT KEBANGSAAN 2019**

**DEWAN SERI PERDANA, INSTITUT LATIHAN,**  
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA, PERAK**

**PADA**  
**28 JULAI 2019 (AHAD)**

Terima kasih tuan/puan pengerusi majlis.

Assalamualaikum Waramatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera, dan Salam Sayangi Malaysiaku.

**Yang Berhormat Tuan Hasnul Zulkarnain bin Abd Munaim,**

Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan NGO

**Yang Berusaha Encik Shakib bin Ahmad Shakir**

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

**Yang Berusaha Puan Roselindawati binti Abdul Rahman**

Ketua Pengarah Penerangan Malaysia

**Yang Berusaha Puan Haslina binti Ramlan**

Timbalan Pengarah

Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia Sultan Azlan Shah Perak

**Yang Berusaha Encik Suhaimi Sun bin Abdullah**

Mewakili Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi,

Yang Berbahagia Dato / Datin / Tuan / Puan hadirin yang dihormati sekalian

## **PENDAHULUAN**

1. Syukur Alhamdulillah kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya kita dapat bersama-sama pagi ini di Dewan Seri Perdana, Institut Latihan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Perak Darul Ridzuan untuk menyaksikan Pertandingan Sketsa Rukun Negara Peringkat Kebangsaan Tahun 2019.

2. Saya mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Tuan Hasnul Zulkarnain bin Abd Munaim, Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan NGO, mewakili Yang Amat Berhormat Dato' Seri Ahmad Faizal Dato' Azumu, Menteri Besar Perak yang sudi hadir merasmikan Pertandingan Sketsa Rukun Negara Peringkat Kebangsaan pada kali ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas komitmen dan kesudian menjadi tuan rumah kepada program ini. Semoga dengan kesudian ini akan mengukuhkan lagi hubungan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dalam melaksanakan program-program yang membina insan dan jati diri dalam kalangan generasi muda di masa hadapan. Saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri serta Pegawai-Pegawai Tinggi Kerajaan Persekutuan dan Negeri yang turut hadir bersama-sama di majlis ini.

## **KELAB MALAYSIAKU**

*Yang Berhormat, hadirin yang dihormati sekalian,*

3. Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia melalui Jabatan Penerangan bergiat aktif dalam pelbagai aktiviti pemasaran maklumat kenegaraan. Antaranya ialah penubuhan Kelab Malaysiaku di sekolah menengah dengan kerjasama strategik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai satu kegiatan kokurikulum pelajar. Sehingga Julai 2019, sebanyak 809 buah Kelab Malaysiaku dengan keahlian seramai 28,315 orang telah ditubuhkan di seluruh Negara. Manakala, di Perak sahaja sebanyak 64 buah Kelab Malaysiaku dengan keahlian 2,560 orang telah ditubuhkan.

4. Pertandingan Sketsa Rukun Negara merupakan aktiviti tahunan Kelab Malaysiaku. Dianggarkan seramai 53,000 pelajar telah didedahkan dengan program ini sejak ianya dimulakan pada tahun 2012 sehingga 2018. Pada tahun ini, penyertaan sekolah telah meningkat sebanyak 125 penyertaan dengan penglibatan 6,633 orang pelajar berbanding pada tahun 2018 iaitu sebanyak 114 penyertaan sekolah dengan penglibatan 6,513 orang. Jumlah ini

menunjukkan respon positif yang diberikan oleh Kelab Malaysiaku dari seluruh negara dalam menjayakan pertandingan ini.

5. Penglibatan pelajar-pelajar ini selaras dengan objektif pertandingan iaitu untuk memupuk semangat patriotisme dan cintakan negara dalam kalangan generasi muda rakyat Malaysia, memberi kefahaman dan penghayatan mengenai Rukun Negara serta membina generasi belia yang berilmu, mempunyai nilai-nilai murni dan integriti yang tinggi. Secara tidak langsung, program ini dapat membina rangkaian jaringan strategik antara Jabatan Penerangan dengan generasi muda.

6. Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia melalui Jabatan Penerangan sentiasa komited dalam mewujudkan lebih banyak rakan strategik yang akan menjadi ejen pemasaran dasar-dasar Kerajaan. Melalui penganjuran pertandingan ini contohnya, peserta dapat meningkatkan pemahaman dan menerapkan nilai-nilai murni berlandaskan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan harian mereka.

## **SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2019**

*Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,*

7. Pertandingan Sketsa Rukun Negara ini merupakan salah satu program yang dilaksanakan untuk menyemarakkan Sambutan Bulan Kebangsaan. Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang 2019 akan diadakan pada 3 Ogos 2019 di Dataran Pahlawan Megamall, Melaka di mana majlis pelancarannya akan disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri kita.

8. Antara program yang dirancang sepanjang Bulan Kebangsaan adalah seperti Merdeka@Komuniti, Pertandingan Keceriaan Bulan Kebangsaan, Pertandingan Pidato Kenegaraan, Pertandingan Pengisahan Kenegaraan,

Kembara Merdeka Jalur Gemilang, Pameran Bersepadu *Caring Bridge* dan pelbagai program yang melibatkan penyertaan rakyat.

9. Acara kemuncak adalah Acara Perbarisan Hari Kemerdekaan yang akan diadakan pada 31 Ogos 2019 di Dataran Putrajaya, Putrajaya dan Sambutan Hari Malaysia pada 16 September 2019 di Kuching, Sarawak. Sehubungan itu, saya ingin mengambil kesempatan ini, untuk mengalu-alukan penglibatan seluruh rakyat negeri Perak Darul Ridzuan untuk bersama-sama menyertai program-program yang telah dirancang.

*Yang Berhormat, hadirin yang dihormati sekalian,*

10. Akhir kata, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pasukan yang menyertai Pertandingan Sketsa Rukun Negara bermula di peringkat negeri dan pasukan yang bertanding di peringkat akhir ini. Tahniah dan syabas juga kepada semua jawatankuasa program serta semua pihak yang terlibat sama dalam memberi kerjasama dan sokongan padu untuk menjayakan majlis ini.

Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.